

# Denyut nadi animasi tempatan

► Pelajar UMS hasilkan karya berunsur Borneo dalam bentuk lebih moden

UB 22.8.2018 B1

**D**ASAWARSA ini, ledakan teknologi menjadi salah satu platform di dalam memungkinkan penghasilan lebih banyak produk animasi yang berkualiti khususnya oleh anak tempatan Sabah.

Malah, perkembangan teknologi dalam bidang perkomputeran dan multimedia telah memberi ruang kepada industri kreatif di Sabah untuk berkarya dan membantu dalam membangunkan industri ke arah kematangan dan penerimaan global.

Evolusi animasi menyaksikan peningkatan dalam bidang seni visual yang pada mulanya hanya sekadar kartun bagi tontonan kanak-kanak, kini berkembang

menjadi satu industri yang berupaya meningkatkan industri ekonomi negara.

Jika dahulu animasi atau lebih dikenali sebagai kartun hanya ditonton oleh penonton cilik sebagai hiburan semata-mata namun, berbeza pada masa kini yang menyaksikan peningkatan penonton animasi dalam golongan remaja dan dewasa.

Ini disebabkan oleh beberapa aspek antaranya inti pati karya animasi yang bukan sahaja menghiburkan, membawakan unsur kekeluargaan, pengajaran malah turut mempunyai simbolisme dan pemaparan budaya setempat melalui penggunaan watak dan susunan plot.



**HEART of Borneo, karya sains fiksi Casofia Nanik Siva.**



**KARYA animasi stop motion Return of Mountain oleh Adrian Thomas.**

pelbagai bidang seni visual serta penghasilan produk animasi anak tempatan yang berkualiti, program Teknologi Seni Visual, Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengambil inisiatif di dalam

mengembangkan bakat para pelajar dengan adanya subjek atau kursus yang mempunyai hubungkait dengan penghasilan animasi

menggunakan teknologi masa kini.

Bertunjangan kepada paparan budaya Borneo, pelajar dilatih untuk menghasilkan karya-karya berkualiti di samping berupaya mengangkat dan memartabatkan budaya masyarakat Borneo. Kelebihan yang ada ini membolehkan pelajar mempelbagai dan mencorakkan kreativiti dengan menggabungkan kemahiran dengan teknologi yang sedia ada.

Antara karya mahasiswa yang boleh diketengahkan adalah karya animasi tiga dimensi (3D) anak jati Sabah, Oscar Gordon Wong.

Oscar merupakan pelajar ijazah kelas pertama yang dilahirkan oleh program Teknologi Seni Visual dan kini menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana UMS.

Beliau menjelaskan idea awal penghasilan karya animasi tiga dimensinya yang bertajuk 'Sompton: The Magical Sound of Borneo' digarap menggunakan hasil dapatan penyelidikannya berkaitan sejarah asal usul alat muzik tradisional Sabah, sompton.

Menurutnya, minat terhadap bidang animasi timbul sebaik sahaja



**SUMBILING, karya animasi 3D Oscar Gordon Wong.**

mempelajari subjek yang diajar dan menyatakan hasrat untuk mendalami lagi bidang animasi khususnya dalam meneruskan usaha menghasilkan karya berunsur Borneo dalam bentuk yang lebih moden.

Selain berupaya menghasilkan animasi berbentuk 2 dimensi (2D) dan 3D, pelajar turut mampu menghasilkan animasi berbentuk pemetaan video dan hologram yang memandu karya

menaikkan lagi suasana kesedihan yang ingin diketengahkan.

Menurut Hannah ia merupakan percubaan pertama dalam menghasilkan animasi berbentuk pemetaan video dan tidak menyangka ia mendapat respon yang memberangsangkan daripada orang ramai.

Begitu juga yang dilakukan dalam karya Sunazri yang bertajuk 'Habitat'.

**“ Bertunjangan kepada paparan budaya Borneo, pelajar dilatih untuk menghasilkan karya-karya berkualiti di samping berupaya mengangkat dan memartabatkan budaya masyarakat Borneo. Kelebihan yang ada ini membolehkan pelajar mempelbagai dan mencorakkan kreativiti dengan menggabungkan kemahiran dengan teknologi yang sedia ada. ”**

animasi ke arah yang lebih interaktif.

Antara karya yang boleh diangkat adalah karya pemetaan video, Hannah Kong bertajuk 'Turali: Sound of Sadness'. Karya animasinya dipetakan ke atas diorama menggunakan animasi jenis silhouette.

Paparan visual serta penggunaan audio hasil alunan alat muzik turali

Karya catannya dihidupkan melalui penggunaan pemetaan video yang menampilkan kitaran hidup kupu-kupu di dalam habitatnya. Idea menggabungkan di antara animasi dan catan ini diinspirasi hasil pembelajaran terhadap subjek-subjek yang dipelajari sepanjang pengajiannya di UMS.

Program Teknologi Seni Visual turut melahirkan graduan yang mendapat ijazah kelas pertama kelahiran Sabah antaranya Casoffia Nanik Siva dan Stephanie Saidol yang juga mengambil bidang animasi sebagai major pengajian.

Malah, terdapat ramai graduan yang kini bekerja sebagai juruanimasi di produksi animasi tersohor tanah air selain menjadi tenaga pengajar di institut pengajian swasta.

Melalui usaha penerapan budaya tempatan dalam penghasilan karya seni, bukan sahaja mampu menanam sifat cintakan budaya malah memeliharanya agar mampu dinikmati oleh generasi yang akan datang.

Penggunaan medium animasi mampu meningkatkan lagi pengetahuan dan kecintaan terhadap budaya setempat dalam bentuk yang lebih moden bersesuaian dengan perkembangan teknologi masa kini.

Ini turut merupakan usaha untuk mewujudkan graduan yang mempunyai kebolehan pelbagai dan berkebolehan dalam memartabatkan industri animasi tempatan. Siapa kata karya seni anak tempatan keluaran UMS tidak hebat?



**HANNAH Kong bersama karya pemetaan video, Turali: Sound of Sadness.**